

22/10/1998

Belanjawan defisit dorong pemulihan ekonomi

Wan Sabariah Shikh Ali

BELANJAWAN Negara 1999 yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan Pertama, di Dewan Rakyat esok, adalah belanjawan defisit, selepas empat tahun Malaysia mencatat belanjawan lebihan.

Negara pernah mencatatkan belanjawan defisit tiga tahun berturut-turut pada awal 1990-an. Selepas defisit sebanyak RM4.2 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan Negara 1993, Malaysia merekodkan lebihan sebanyak RM511 juta dalam Belanjawan 1994 dan sejumlah RM637 juta pada Belanjawan 1995.

Menurut Barron's Financial Guides, defisit bermakna lebihan tanggungan dan hutang berbanding pendapatan dan aset. Defisit biasanya ditampung dengan membuat pinjaman atau menjual aset. Satu lagi takrifan defisit dari segi kewangan ialah perbelanjaan melebihi belanjawan yang diperuntukkan.

Belanjawan defisit, menurut Barron's, mendorong merangsang ekonomi bagi tempoh tertentu tetapi akhirnya boleh membebankan ekonomi dengan kenaikan kadar faedah.

Menurut penasihat ekonomi Kumpulan Sunway, Tan Sri Ramon Navaratnam, ada dua jenis defisit yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan kerajaan dan pertumbuhan ekonomi negara. Pertama ialah defisit akaun semasa iaitu selepas perbelanjaan mengurus ditolak hasil. Dalam keadaan biasa, akaun semasa kerajaan mencatat lebihan.

Satu lagi ialah defisit belanjawan secara keseluruhan iaitu perbelanjaan kerajaan yang melebihi jumlah peruntukan yang disediakan.

Menurut Navaratnam, dalam belanjawan tahun depan, apa yang dikhuatirkan ialah defisit bagi akaun semasa kedudukan kewangan kerajaan apabila hasil kerajaan berkurangan manakala perbelanjaan operasi meningkat.

Satu daripada implikasi defisit akaun semasa ialah kerajaan terpaksa meminjam untuk melaksanakan perbelanjaan mengurus yang juga termasuk gaji kakitangan kerajaan.

Pendapatan kerajaan yang berkurangan memang tidak dapat dielakkan kerana dalam mengharungi kegawatan kewangan sejak 15 bulan lalu, banyak syarikat yang muflis dan tidak lagi membayar cukai korporat.

Bagaimanapun, dari segi rakyat terbanyak, implikasi belanjawan defisit kali ini ialah kerajaan akan terus melaksanakan projek pembangunan seperti sekolah, hospital dan kemudahan awam. Kerajaan juga dijangka tidak mengurangkan subsidi terhadap minyak, beras dan kebajikan rakyat yang juga termasuk dalam perbelanjaan operasi.

Langkah ini bukan saja perlu, kata Navaratnam, tetapi kerajaan tidak ada pilihan lain kerana semua perbelanjaan ini memberi kesan langsung kepada rakyat.

Bagaimanapun, menurutnya, defisit akaun semasa tidak boleh terlalu tinggi dan tidak boleh terlalu lama. Satu atau dua tahun masih boleh diuruskan.

"Kalau defisit keseluruhan tahap yang dianggap boleh diuruskan ialah tiga atau empat peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), defisit akaun semasa harus dikekalkan pada tahap seminimum yang boleh," katanya.

Ini kerana lebih banyak perbelanjaan, kerajaan perlu meminjam lebih banyak wang untuk membiayai defisit.

Pembentangan belanjawan bagi tahun depan juga adalah kesinambungan kepada langkah meningkatkan daya tahan negara yang diumumkan oleh kerajaan pada Julai lalu.

Pelaksanaan langkah rangsangan fiskal itu yang bertujuan menjana kegiatan ekonomi dan mengurangkan kesan kuncupan daripada krisis kewangan, dalam bentuk tambahan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan bagi 1998 berjumlah sekitar RM7 bilion.

Peruntukan tambahan itu dikhususkan kepada projek yang memenuhi kriteria:

- * Tidak akan menyebabkan rizab atau mudah tunai mengalir keluar dari negara;

- * Dapat menggantikan import dan meningkatkan eksport barangan dan perkhidmatan;

- * Menjana permintaan untuk barangan dan perkhidmatan keluaran dalam negeri;

- * Dapat meningkatkan kecekapan dan daya saing negara;

- * Menghasilkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan dalam masa yang singkat.

- * Menjamin jaringan keselamatan sosial.

Berasaskan kriteria itu, peruntukan sebahagian besar daripada RM7 bilion akan diagihkan kepada projek tertentu termasuk pertanian (RM350 juta); perumahan (RM200 juta); pendidikan (RM1,000 juta); infrastruktur dan kemudahan awam (RM1,500 juta); pembangunan industri (RM200 juta); pembangunan desa (RM200 juta); kesihatan (RM300 juta); pembasmian kemiskinan (RM300 juta); Cyberview (RM654 juta); dan Dana Pengurusan Harta (RM2,250 juta).

Dengan pertambahan peruntukan ini, defisit belanjawan kerajaan bagi tahun 1998 meningkat kepada sekitar RM10 bilion atau 3.7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK).

Bagi menampung defisit ini, kerajaan merancang memperolehi pembiayaan daripada pelbagai sumber dalam negeri dan institusi kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia, Bank Pembangunan Islam dan pinjaman dari Jepun serta pinjaman pasaran antarabangsa.

Persoalan bagaimana mendapatkan dana bagi menampung kekurangan belanjawan ini adalah isu yang membimbangkan penganalisis dan pasaran kerana ia tidak mudah sama ada dari dalam negara atau luar negara kerana kos yang tinggi dan sumber yang terhad sekarang.

Dalam mencari sumber pembiayaan untuk menampung defisit, kerajaan perlu berhati-hati untuk tidak menambah beban rakyat, terutama dari segi rejim percukaian.

Menurut seorang ahli ekonomi, antara pilihan yang ada ialah kerajaan terpaksa berbelanja daripada sumber rizab.

Tahap rizab negara berjaya diperbaiki sejak negara mengambil beberapa langkah kawalan mata wang sejak September lalu. Perangkaan terbaru Bank Negara Malaysia (Bank Negara) menunjukkan RM12.7 bilion daripada akaun luar negara sudah dibawa masuk ke Malaysia sehingga 22 September lalu.

Sehingga September juga, rizab asing Bank Negara juga meningkat AS\$1 bilion (RM3.8 bilion) manakala deposit dalam akaun luar naik daripada RM9.1 bilion pada akhir Ogos lalu kepada RM12.6 bilion.

Dana juga boleh diperolehi sekiranya kerajaan membuat keputusan untuk menurunkan lagi paras Keperluan Rizab Berkanun (SRR) institusi perbankan daripada empat peratus kepada dua peratus.

Penurunan itu mampu menyalurkan kira-kira RM8 bilion dana ke dalam sistem perbankan negara yang seterusnya boleh dijana sebagai sumber pembiayaan.

Bagaimanapun, implikasi daripada penggunaan rizab bermakna simpanan negara berkurangan.

Langkah kedua untuk menampung kekurangan belanjawan ialah dengan meminjam, kemungkinan besar daripada dana tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji).

Implikasi daripada langkah ini ialah hutang domestik kerajaan akan meningkat dengan ketara. Penggunaan wang daripada sumber ini juga menjadi langkah tidak popular kerana KWSP sering dilihat sebagai 'agensi penyelamat' entiti bermasalah.

Menurut penganalisis langkah alternatif ialah mencari sumber lain, walaupun buat masa ini sumber yang ada agak terhad.

Satu daripada alternatif ialah menaikkan cukai. Walaupun kerajaan boleh berbuat demikian tetapi dalam keadaan sektor korporat yang agak tenat, persoalannya adakah bijaksana untuk berbuat demikian, sedangkan kerajaan dijangka menurunkan lagi kadar cukai korporat.

Dari sudut ini, Belanjawan Negara 1999 boleh disifatkan sebagai mencari keseimbangan - tidak boleh terlalu banyak meminjam kerana menyebabkan beban hutang kerajaan yang tinggi. Kerajaan juga tidak boleh terlalu banyak memotong perbelanjaan kerana ia akan membebankan rakyat.

(END)